

PANDANGAN IBU BAPA TERHADAP PESALAH SEKSUAL KANAK-KANAK

Parental Views on Child Sexual Offenders

Fatin Najihah Abdul Basir¹, Hapsah Md Yusof^{2*}

¹Prasekolah Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, 42200 Kapar, Klang, Selangor, Malaysia

^{1,2}Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

fatinaajihah.abdbasir@gmail.com¹, hapsah@fpm.upsi.edu.my²

* Corresponding Author

Received: 27 Oktober 2020; Accepted: 08 Disember 2020; Published: 14 Disember 2020

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti pandangan ibu bapa terhadap pesalah seksual kanak-kanak tadika. Khususnya, kajian ini mengenal pasti perbezaan pandangan ibu bapa berdasarkan jantina mengenai pandangan ibu bapa terhadap pesalah seksual kanak-kanak, pandangan ibu bapa terhadap pesalah seksual kanak-kanak di persekitaran mereka, pandangan ibu bapa terhadap hukuman pesalah seksual kanak-kanak dan pandangan ibu bapa terhadap kanak-kanak yang mengalami penderaan seksual. Seramai 61 orang ibu bapa di sekitar daerah Klang, Selangor yang mempunyai kanak-kanak yang berumur 5 hingga 6 tahun dipilih sebagai responden kajian. Kajian ini telah menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik yang telah diterjemahkan mengikut kesesuaian konteks kajian. Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pandangan ibu bapa terhadap pesalah seksual berdasarkan jantina.

Kata kunci: pandangan, kanak-kanak, pesalah seksual, ibu bapa, penderaan seksual, hukuman

ABSTRACT

The purpose of this study was to identify the views of parents on the sexual offenders of kindergarten children. In particular, this study identifies differences in parental views based on gender on parental views on child sexual offenders, parental views on child sexual offenders in their environment, parental views on child sexual offender punishment and parental views on children who have been sexually abused. A total of 61 parents around the district of Klang, Selangor who have children aged 5 to 6 years were selected as study respondents. This study has used quantitative methods by using questionnaires that have been translated according to the suitability of the study context. Overall, the findings of the study found that there was no significant difference between parents' views on sexual offenders based on gender.

Keywords: views, children, sexual offenders, parents, sexual abuse, punishment

PENGENALAN

Kanak-kanak mudah terdedah dengan risiko keselamatan sekiranya tidak mendapat bimbingan daripada ibu bapa dan tindakan ibu bapa akan mempengaruhi perwatakan kanak-kanak (Herdiana, 2013). Menurut Aishah dan Saadah (2017) menyatakan pada peringkat perkembangan kanak-kanak ini, ia merupakan fasa ingin meneroka dan mencuba sesuatu yang baru dan disebabkan sifat rapuh ini mereka diambil kesempatan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab. Ibu bapa biasanya beranggapan bahawa seseorang itu menyentuh kanak-kanak sebagai tanda memberikan kasih sayang dan perhatian kepada mereka. Tetapi ibu bapa tidak sedar bahawa terdapat individu sebenarnya yang ingin cuba mengambil kesempatan untuk memuaskan nafsu mereka semata. Malah terdapat ahli keluarga sendiri yang cuba mengambil kesempatan terhadap kanak-kanak ini. Oleh sebab itu pengetahuan ibu bapa mengenai pesalah seksual ini sangat penting untuk melindungi kanak-kanak dari ancaman jenayah seksual ini.

Kerajaan Malaysia memandang serius mengenai pesalah ini kerana ia bukan isu remeh yang patut kita abaikan memandangkan kes semakin meningkat saban tahun. Menurut Kerajaan Malaysia (2017), pesalah jenayah seksual ini boleh disabitkan kesalahan dibawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (selepas ini disebut Akta 792). Kesalahan pesalah jenayah seksual terhadap kanak-kanak dibawah Akta 792 ini terdiri daripada kesalahan berhubungan pornografi kanak-kanak, amang seksual serta pengantunan kanak-kanak.

Penyataan Masalah

Kebelakangan ini, terdapat banyak kes yang melibatkan penjenayah seksual telah dilaporkan. Kebanyakan kanak-kanak di Malaysia didapati telah dianiaya dari segi kesalahan seksual seperti pornografi, pengantunan (*sexual grooming*) dan amang seksual (Norazla & Mohd Farok, 2018; Eshak & Zain, 2020). Menurut Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak dalam Daftar Kanak-Kanak (eDKK), terdapat lebih 3000 senarai pesalah seksual kanak-kanak telah disenarai dari tahun 2017 hingga Februari 2019 di bawah Akta Kesalahan Seksual Kanak-Kanak 2017(Akta 792) (Berita Harian, 2019). Jumlah penjenayah sebanyak itu amat membimbangkan lebih-lebih lagi bagi pasangan sudah berkahwin yang mempunyai anak. Negara juga telah dikejutkan dengan kes jenayah yang melibatkan pesalah seksual paling teruk, Richard Huckle dari Britain yang mengaku telah melakukan kesalahan ke atas 200 orang kanak-kanak di Kuala Lumpur (Berita Harian, 2016). Berita ini pastinya mengecewakan ramai pihak dan membuka mata ibu bapa untuk lebih berhati-hati dengan keadaan orang disekeliling mereka

Isu penjenayah seksual ini bukanlah terlalu asing untuk dibincangkan, namun kurangnya kajian dan perbincangan mengenai pesalah jenayah seksual terhadap kanak-kanak ini dari aspek pandangan ibu bapa. Ibu bapa sering diingatkan untuk sentiasa berwaspada kepada penjenayah seksual terutama individu disekeliling anak-anak mereka ini. Pengetahuan ibu bapa memainkan peranan penting dalam mengatasi jenayah ini dan mereka dapat mengelakkan kejadian keganasan seksual berlaku kepada kanak-kanak (Eka Najihah Ramly *et al.*, 2020). Namun begitu, terdapat ibu bapa yang masih cetek kefahaman dan pengetahuan mengenai penjenayah seksual ini. Menurut Aishah dan Saadah (2017) dalam kajiannya mendapati ibu bapa hanya mengetahui mengenai kes seperti ini berdasarkan pengalaman yang mereka lihat di televisyen, akhbar dan juga internet.

Menurut Sarnon *et al.* (2012), kes yang melibatkan pesalah jenayah seksual dan mangsa adalah rumit untuk ditangani dan paling kerap dirahsiakan disebabkan wujudnya hubungan antara mereka. Namun, pemahaman dan definisi gangguan seksual yang menyimpang menunjukkan bahawa banyak kes dianggap masalah keluarga dan sukar dilaporkan tanpa perlindungan yang mencukupi setiap masa. (Abdul Razak Abd Manaf & Norliza Mokhtar, 2016). Menurut Pipe *et al.* (2013). Perkara ini menjadi lebih sukar apabila melibatkan banyak pihak dan sukar untuk dibuktikan (Abdul Razak Abd Manaf & Norliza Mokhtar, 2016).

Disamping itu, hukuman yang dikenakan terhadap pesalah seksual ini masih ringan menyebabkan golongan ini masih tidak takut dan kes terus meningkat saban tahun. Menurut Norazla dan Mohd Farok (2018), kurangnya peraturan yang jelas dalam perundangan saat ini yang berkaitan dengan pornografi, gangguan seksual dan serangan seksual telah digambarkan sebagai penyebab eksploitasi seksual kanak-kanak. Malah, penjenayah seksual ini sukar dibawa ke mahkamah (Suharne, 2019). Apabila pesalah seksual sukar untuk dihadapkan ke mahkamah, keadaan ini agak membimbangkan ibu bapa. Terdapat kanak-kanak mudah terpedaya dan menjadi mangsa eksploitasi pesalah seksual ini. Apabila kanak-kanak sudah selesai dengan individu ini, kanak-kanak akan menganggap perbuatan eksploitasi ini adalah perkara biasa dan mereka menganggap ia cuma hubungan antara orang dewasa dan kanak-kanak sahaja. Oleh itu, kajian ini dilakukan adalah untuk memperolehi maklumat mengenai;

- i. Apakah pandangan ibu bapa terhadap pesalah seksual kanak-kanak?
- ii. Apakah pandangan ibu bapa terhadap pesalah seksual kanak-kanak di persekitaran mereka?
- iii. Apakah pandangan ibu bapa terhadap hukuman pesalah seksual kanak-kanak?
- iv. Apakah pandangan ibu bapa terhadap kanak-kanak yang mengalami penderaan seksual?

Kajian Literatur

Penderaan seksual kanak-kanak semakin dipandang serius terutama apabila ia melibatkan individu di persekitaran mereka. Menurut Hutchinson (1935), mereka yang melakukan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak sering disifatkan mengalami kekurangan harga diri dan kecekapan dalam sosial. Penderaan seksual kanak-kanak sering dicirikan sebagai menunjukkan kemahiran sosial yang lemah, mempunyai perasaan tidak mencukupi atau kesunyian, mempunyai masalah seksual yang lebih besar atau bersikap pasif dalam hubungan (Groth & Burgess, 1979; Marshall, 1993; Cortoni & Marshall, 2001; Whitaker *et al.*, 2008; Maniglio, 2012). Justeru itu, terdapat dua teori yang terlibat dalam kajian ini iaitu teori Ekologi dan teori Psikoanalisis daripada Sigmund Freud.

Teori perkembangan Ekologikal adalah teori yang menekankan pengaruh persekitaran dalam perkembangan individu. Teori Ekologikal ini menjelaskan bahawa hasil interaksi antara kanak-kanak dan alam persekitaran memberikan kesan kepada perkembangan kanak-kanak. Dalam konteks kajian, interaksi antara kanak-kanak dan persekitarannya mampu mempengaruhi proses perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak itu sendiri serta kepercayaan mereka terhadap persekitaran. Pengetahuan dan pandangan individu yang terlibat dalam persekitaran kanak-kanak sangat memberi kesan kepada mereka khususnya dalam keselamatan kanak-kanak itu sendiri. Oleh itu teori Ekologi mempunyai empat asas tahap yang boleh mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Lapisan Ekosistem ini

merangkumi; mikrosistem, mesosistem, ekosistem, makrosistem dan kronosistem. Kelima-lima sistem persekitaran ini memberikan implikasi kepada peranan ibu bapa dalam menyediakan diri untuk melindungi kanak-kanak daripada pesalah seksual.

Teori Psikoanalisis telah diperkenalkan oleh Sigmund Freud pada tahun 1856-1939. Freud berfikir bahawa perilaku manusia berasal dari proses bawah sadar atau *unconscious processes*. Freud mendefinisikan proses tidak sadar seperti sesuatu keinginan yang di tindas sehingga tidak disedari oleh individu. Secara psikologi, gangguan jiwa akan menyebabkan individu melakukan tindakan yang tidak sepatutnya. Gangguan ini dialami oleh manusia dewasa kerana kekecewaan terhadap keperluan seksual yang mereka alami pada masa kanak-kanak, sehingga jika seorang anak tidak mengalami serangkaian tahap seksual secara semula jadi, ia akan memberi kesan semasa dewasa. Oleh itu, beliau menegaskan bahawa jiwa manusia terdiri daripada tiga elemen iaitu id, ego dan superego (Mohamad Albaree Abdul *et al.*, 2019).

Mereka yang kurang pengetahuan mengenai pesalah seksual cenderung menyokong kepercayaan stereotipikal dan cenderung menyokong dasar jenayah seksual dan menunjukkan sokongan yang rendah untuk memulihkan mereka (Sanghara & Wilson, 2006; Pickett *et al.*, 2013; Wurtele, 2018). Selama beberapa dekad yang lalu, pembuat dasar telah mengambil pendekatan "keras" terhadap seksual pesalah di bawah naungan perlindungan masyarakat (Meloy *et al.*, 2013; Shields, 2013). Menurut Model-ward (2007) menyatakan bahawa sekatan keatas kebebasan mereka merupakan salah satu hak asasi manusia yang khusus kepada pesalah seksual dan ia menerangkan hak asasi manusia kepada pesalah seksual termasuklah mempunyai akses kepada asas kesejahteraan seperti pendidikan, harga diri, sokongan, sokongan mental dan perubahan.

Pesalah seksual tidak peduli jika mangsanya adalah individu yang mereka kenali ataupun tidak. Ibu bapa harus memainkan peranan dalam mengenalpasti kanak-kanak yang mengalami penderaan seksual. Mungkin menyenangkan untuk mengetahui bahawa kebanyakan kanak-kanak dan individu yang telah dianiaya tidak terus mendera orang lain, dan banyak yang hidup bahagia, sihat dan berjaya. Pada masa yang sama, semua kanak-kanak termasuk kanak-kanak yang telah dianiaya perlu merasa selamat dan gemar memelihara kediaman. Ibu bapa harus memainkan peranan penting dalam proses penyembuhan anak-anak, dan dalam "membangun ketahanan" yang memperkuat kemampuan anak-anak untuk menyesuaikan diri atau menghadapi kesulitan.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan soal-selidik sebagai proses dalam pengumpulan data. Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmanakah pandangan dan persepsi ibu bapa terhadap pesalah seksual kanak-kanak. Oleh itu, pengkaji telah memilih responden daripada kalangan ibu bapa di daerah Klang untuk menyertai kajian ini.

Sampel Kajian

Seramai 61 orang responden terlibat sebagai sampel kajian yang memenuhi kriteria kajian ini iaitu dalam kalangan responden yang terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai anak 5 hingga 6 tahun yang sedang mengikuti pra sekolah.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan cara pengkaji mengumpul data kajian berdasarkan objektif yang telah dibina untuk memperoleh maklumat penyelidikan. Kajian ini telah menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik oleh Bowman dan Bowman (2018) dan Harper dan Hogue (2015) yang telah diterjemahkan mengikut kesesuaian konteks kajian. Soal selidik ini telah diserahkan kepada penyelia dan mendapatkan kesahan daripada dua orang pakar untuk semakan. Ujian rintis juga telah dilakukan untuk melihat kebolehpercayaan soalan kajian.

Soal selidik bagi kajian ini mengandungi lima bahagian, iaitu (i) demografi responden, (ii) persepsi ibu bapa berkenaan pesalah seksual kanak-kanak, (iii) pandangan ibu bapa berkenaan pesalah seksual terhadap kanak-kanak, (iv) pandangan ibu bapa berkenaan hukuman pesalah seksual terhadap kanak-kanak dan (v) pandangan ibu bapa terhadap kanak-kanak yang mengalami penderaan seksual dan terdiri daripada 26 item. Set soal selidik ini merangkumi 5 skala Likert iaitu dari 1- sangat tidak setuju sehinggalah 5 – sangat setuju (Fauziah Hanim Jalal *et al.*, 2014)

Responden telah diberikan tempoh di antara 5 hingga 10 minit mengikut keselesaan mereka untuk menjawab soalan dengan lengkap. Set soalan ini terdiri telah menggunakan Skala Likert sebagai pilihan jawapan responden. Responden dikehendaki menjawab soalan berdasarkan 5 tahap persetujuan yang diwakili dengan nombor berdasarkan arahan yang telah dinyatakan iaitu 1. sangat tidak setuju, 2. tidak setuju, 3. tidak pasti, 4. setuju dan 5. sangat setuju. Penggunaan skala likert akan memudahkan pengkaji untuk menganalisis dan mengintegrasikan data berdasarkan jawapan yang telah diberikan.

Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data dijalankan bertujuan untuk memastikan kelancaran proses kutipan data berjalan dengan lancar. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan beberapa langkah sepanjang proses kutipan berlangsung. Langkah pertama, pengkaji telah mendapat kesahan soal selidik daripada dua orang pakar dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Seterusnya, pengkaji membuat ujian rintis bagi 15 orang responden dan membuat kebolehpercayaan instrumen bagi menguji ketekalan soal selidik tersebut. Soal selidik mula disebarikan setelah mendapat kelulusan dan disebarikan melalui 'google form' untuk melancarkan dan memudahkan proses kutipan data.

Kaedah Analisis Data

Pengkaji telah menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) untuk menganalisis data. Analisis deskriptif dan analisis inferensi dilaksanakan dalam kajian ini,

dan analisis inferensi diaplikasikan untuk menjawab hipotesis yang telah pengkaji bina untuk mencapai objektif kajian.

DAPATAN KAJIAN

Maklumat Demografi Ibu Bapa

Maklumat demografi ibu bapa termasuk jantina, bangsa, dan hubungan ibu bapa dan anak, Hasil penganalisan maklumat demografi ibu bapa adalah seperti ditunjukkan di dalam jadual di bawah.

Jadual 1 menunjukkan bahawa daripada 61 orang ibu bapa yang terlibat dalam kajian ini, 10 orang daripadanya adalah lelaki dengan 16.4% dan 51 orang adalah perempuan dengan peratusan 83.6%. Seterusnya, seramai 60 orang iaitu 98.4% adalah terdiri daripada bangsa melayu dan seorang (1.6%) adalah berbangsa lain-lain. Berdasarkan jadual ini juga, dapat lihat ibu bapa yang mempunyai hubungan dengan anak kandung adalah seramai 55 orang dengan peratusan 90.2% dan ibu bapa yang mempunyai hubungan sebagai penjaga adalah seramai 6 orang iaitu dengan peratusan 9.8%.

Jadual 1
 Maklumat Demografi Ibu Bapa

Kategori Demografi	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	10	16.4
Perempuan	51	83.6
Jumlah	61	100
Bangsa		
Melayu	60	98.4
Cina	0	0
India	0	0
Lain-lain	1	1.6
Jumlah	61	100
Hubungan ibu bapa dan anak		
Ibu/ bapa kandung	55	90.2
Ibu/ bapa angkat	0	0
Penjaga	6	9.8
Jumlah	61	100

Perbezaan Pandangan Ibu Bapa terhadap Pesalah Seksual berdasarkan Jantina

H_1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pandangan ibu bapa terhadap pesalah seksual berdasarkan jantina.

Berdasarkan Jadual 2, *mean rank* bagi pandangan ibu bapa terhadap pesalah seksual bagi lelaki (29.40) lebih rendah berbanding perempuan (31.31). Jadual 3 pula menunjukkan analisis ujian *Mann-Whitney U* bagi pandangan ibu bapa mengenai pesalah seksual berdasarkan jantina. Hasil dapatan mendapati bahawa terdapat tidak terdapat perbezaan yang

signifikan bagi pandangan ibu bapa berdasarkan jantina kerana nilai ($P=0.075$) adalah lebih tinggi daripada aras signifikan ($P>0.05$). Oleh itu hipotesis ini gagal ditolak.

Jadual 2

Mean Rank bagi Pandangan Ibu Bapa terhadap Pesalah Seksual berdasarkan jantina

	Jantina	N	Mean Rank	Sum of Ranks
Pandangan ibu bapa terhadap pesalah seksual.	Lelaki	10	29.40	294.00
	Perempuan	51	31.31	1597.00
	Total	61		

Jadual 3

Analisis Ujian Mann-Whitney U bagi Pandangan Ibu Bapa terhadap Pesalah Seksual berdasarkan jantina

	Pandangan ibu bapa terhadap pesalah seksual.
Mann-Whitney U	239.000
Wilcoxon W	294.000
Z	-.313
Asymp. Sig. (2-tailed)	.755

Perbezaan Pandangan Ibu Bapa terhadap Pesalah Seksual dalam Persekitaran berdasarkan Jantina

H₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pandangan ibu bapa terhadap kehadiran pesalah seksual dalam persekitaran berdasarkan jantina.

Berdasarkan Jadual 4 *mean rank* bagi pandangan ibu bapa terhadap pesalah seksual dalam persekitaran bagi golongan lelaki (27.30) adalah lebih rendah berbanding golongan perempuan (31.73). Jadual 5 pula menunjukkan analisis ujian *Mann Whitney U* bagi pandangan ibu bapa terhadap pesalah seksual dalam persekitaran berdasarkan jantina. Hasil dapatan mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pandangan ibu bapa terhadap pesalah seksual dalam persekitaran berdasarkan jantina kerana nilai signifikan ($P=0.462$) adalah lebih tinggi daripada aras signifikan ($P>0.05$). Oleh itu, hipotesis ini gagal ditolak.

Jadual 4

Mean Rank bagi Pandangan Ibu Bapa terhadap Kehadiran Pesalah Seksual dalam Persekitaran berdasarkan Jantina

	Jantina	N	Mean Rank	Sum of Ranks
Pandangan ibu bapa terhadap pesalah seksual dalam persekitaran.	Lelaki	10	27.30	273.00
	Perempuan	51	31.73	1618.00
	Total	61		

Jadual 5

Analisis Ujian Mann-Whitney U bagi Pandangan Ibu Bapa terhadap Kehadiran Pesalah Seksual dalam Persekitaran berdasarkan Jantina

Pandangan ibu bapa terhadap pesalah seksual dalam persekitaran.	
Mann-Whitney U	218.000
Wilcoxon W	273.000
Z	-.735
Asymp. Sig. (2-tailed)	.462

Perbezaan Pandangan Ibu Bapa terhadap Hukuman Pesalah Seksual berdasarkan Jantina

H₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pandangan ibu bapa terhadap hukuman pesalah seksual antara jantina.

Berdasarkan Jadual 6, *mean rank* bagi pandangan ibu bapa terhadap hukuman pesalah seksual bagi golongan lelaki (41.60) lebih tinggi berbanding golongan wanita (28.92). Jadual 7 pula menunjukkan analisis ujian *Mann-Whitney U* bagi pandangan ibu bapa terhadap hukuman pesalah seksual berdasarkan jantina. Hasil dapatan mendapati terdapat perbezaan yang signifikan bagi pandangan ibu bapa terhadap hukuman pesalah seksual berdasarkan jantina. Ini kerana nilai signifikan (0.038) lebih rendah daripada aras signifikan ($p < 0.05$). Oleh itu, hipotesis ini ditolak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
Jadual 6

Mean Rank bagi Pandangan Ibu Bapa terhadap Hukuman Pesalah Seksual berdasarkan Jantina

	Jantina	N	Mean Rank	Sum of Ranks
Pandangan ibu bapa terhadap hukuman pesalah seksual.	Lelaki	10	41.60	416.00
	Perempuan	51	28.92	1475.00
	Total	61		

Jadual 7

Analisis Ujian Mann-Whitney U bagi Pandangan Ibu Bapa terhadap Hukuman Pesalah Seksual berdasarkan Jantina.

Pandangan ibu bapa terhadap hukuman pesalah seksual.	
Mann-Whitney U	149.000
Wilcoxon W	1475.000
Z	-2.072
Asymp. Sig. (2-tailed)	.038

Perbezaan Pandangan Ibu Bapa terhadap Mangsa Seksual berdasarkan Jantina

H₄: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap mangsa seks antara jantina

Jadual 8 menunjukkan *mean rank* bagi pandangan ibu bapa terhadap mangsa seksual bagi golongan lelaki (40.75) adalah lebih tinggi berbanding golongan perempuan (29.09). Jadual 9 pula menunjukkan analisis ujian *Mann-Whitney U* bagi pandangan ibu bapa terhadap mangsa seksual berdasarkan jantina. Hasil dapatan mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pandangan ibu bapa terhadap mangsa seksual berdasarkan jantina kerana nilai signifikan ($p=0.055$) lebih tinggi daripada aras signifikan ($p>0.05$). Oleh itu, hipotesis ini gagal ditolak.

Jadual 8

Mean rank bagi Pandangan Ibu Bapa terhadap Mangsa Seksual berdasarkan Jantina

	Jantina	N	Mean Rank	Sum of Ranks
Pandangan ibu bapa terhadap mangsa seksual.	Lelaki	10	40.75	407.50
	Perempuan	51	29.09	1483.50
	Total	61		

Jadual 9

Analisis Ujian Mann-Whitney U bagi Pandangan Ibu Bapa terhadap Mangsa Seksual berdasarkan Jantina

	Pandangan ibu bapa terhadap mangsa seksual.
Mann-Whitney U	157.500
Wilcoxon W	1483.500
Z	-1.915
Asymp. Sig. (2-tailed)	.055

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Perbincangan ini adalah berdasarkan daripada dapatan kajian yang telah dibuat sekali gus dapat menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan. Rumusan dapatan kajian ini tertumpu kepada menjawab hipotesis kajian. Kajian ini memberikan tumpuan kepada pandangan ibu bapa terhadap pesalah seksual kanak-kanak. Hipotesis utama adalah untuk menentukan sama ada jantina mempunyai kesan yang signifikan terhadap pandangan ibu bapa mengenai pesalah seksual kanak-kanak. Hasil kajian ini mempamerkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan antara pandangan ibu bapa terhadap pesalah seksual berdasarkan jantina bertepatan dengan kajian yang terdahulu mendapati tiada kesan yang signifikan antara jantina dan pandangan terhadap pesalah seksual kanak-kanak (Bowman & Bowman, 2018). Pengetahuan ibu bapa dalam memiliki maklumat atau info mengenai pesalah seksual amat lah penting bagi memastikan keselamatan kanak-kanak terjamin dan dapat dihindarkan dari pesalah seksual ini.

Hipotesis kedua menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan antara pandangan ibu bapa terhadap kehadiran pesalah seksual dalam persekitaran berdasarkan jantina. Namun, kenyataan ini tidak disokong dari mana mana artikel disebabkan faktor kurangnya kajian mengenai pernyataan ini. Walaubagaimanapun, wujud kegusaran dalam kalangan ibu bapa

jika pesalah seksual berada di tempat-tempat kegemaran kanak-kanak seperti sekolah rendah, taman permainan, dan perhentian bas (Levenson, 2008). Ini membuktikan bahawa pesalah seksual sering berkunjung ke tempat terbuka sehingga tercetusnya polisi ini untuk mengurangkan jumlah hubungan kanak-kanak dengan pesalah seksual.

Hipotesis seterusnya menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pandangan ibu bapa terhadap hukuman pesalah seksual berdasarkan jantina yang disokong oleh kajian Mancini *et al.* (2010). Model-ward (2007) turut menyatakan bahawa sekatan ke atas kebebasan mereka merupakan salah satu hak asasi manusia yang khusus kepada pesalah seksual. Dalam kajiannya lagi menerangkan hak asasi manusia kepada pesalah seksual termasuklah mempunyai akses kepada asas kesejahteraan seperti pendidikan, harga diri, sokongan, sokongan mental dan perubatan.

Dapatan terakhir menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pandangan ibu bapa terhadap mangsa seksual berdasarkan jantina yang selaras dengan kajian Bottoms dan Goodman (1994) iaitu ibu bapa sangat bersetuju bahawa pesalah seksual dengan kanak-kanak adalah berbahaya. Kajian ini berpendapat tingkahlaku tersebut akan memberikan kesan yang mudarat kepada kanak-kanak (Finkelhor, 1979). Ia bukan sahaja memberikan kesan kepada fizikal kanak-kanak, bahkan turut memberi kesan kepada psikologi iaitu hilang motivasi dan keyakinan diri dan juga dari segi emosi iaitu kanak-kanak akan berdepan dengan ketakutan dan akan mengalami tekanan yang serious.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, pengkaji menyimpulkan bahawa pandangan serta pengetahuan mengenai pesalah seksual amat penting untuk melindungi keluarga, kanak-kanak serta masyarakat daripada ancaman pesalah seksual. Dengan adanya pengetahuan ini, diharapkan dapat membantu pihak yang terlibat dalam melakukan sesuatu yang rasional dan dapat membanteras pesalah seksual ini. Ini kerana, pesalah seksual memberikan kesan negatif kepada kanak-kanak, keluarga, masyarakat serta negara. Semua pihak haruslah bekerjasama jika mendapat maklumat mengenai pesalah seksual ini supaya ibu bapa dan masyarakat dapat berwaspada dengan individu yang diragui. Oleh itu, hasil kajian ini penting untuk memberikan kesedaran kepada ibu bapa mengenai pengetahuan terhadap pesalah seksual kanak-kanak untuk bersama-sama melindungi anak mereka menjadi mangsa seterusnya. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa pandangan serta pengetahuan ibu bapa amat penting untuk memastikan keselamatan kanak-kanak terjamin dan kanak-kanak dapat berkembang dengan sihat tanpa ada rasa takut atau tiada keyakinan diri. Diharap semua pihak termasuklah masyarakat dan kementerian dapat bersama-sama membantu kanak-kanak terus dilindungi dari menjadi mangsa penderaan seksual.

RUJUKAN

- Abdul Razak Abd Manaf, & Norliza Mokhtar. (2016). Isu-isu sokongan sosial dalam kalangan kanak-kanak mangsa penderaan seksual di institusi pemeliharaan dan perlindungan. *Journal of Techno Social*, 8(2).
- Aishah, & Saadah. (2017). Pengetahuan ibu bapa di kawasan Dengkil berkenaan pedofilia terhadap kanak-kanak. *e-Bangi*, 14(5).
- Berita Harian. (2016, Mac 2). *Pedofil warga britain cabul 200 kanak-kanak Malaysia*. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/4/2016/06/159965/pedofil-warga-britain-cabul-200-kanak-kanak-malaysia>

- Berita Harian. (2019, Mac 26). *Semak pesalah seksual kanak-kanak melalui eDKK*. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/03/545636/semak-pesalah-seksual-kanak-kanak-melalui-edkk>
- Bottoms, B. L., & Goodman, G. S. (1994). Perceptions of children's credibility in sexual assault cases. *Journal of Applied Social Psychology*, 24(8), 702–732. <https://doi.org/10.1111/j.1559-1816.1994.tb00608.x>
- Bowman, K. N., & Bowman, K. N. (2018). *University students' perception of child sex offender*.
- Cortoni, F., & Marshall, W. L. (2001). Sex as a coping strategy and its relationship to juvenile sexual history and intimacy in sexual offenders. *Sexual Abuse: A Journal of Research and Treatment*, 13(1), 27–43.
- Eka Najihah Ramly, Azizah Zain, & Zarina Eshak. (2020). Jenayah pedofilia terhadap kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9, 1–8. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/4523>
- Eshak, Z., & Zain, A. (2020). Kaedah Fuzzy Delphi: Reka bentuk pembangunan modul seksualiti pekasa berasaskan latihan mempertahankan diri untuk prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9(2), 12–22. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/3710>
- Fauziah Hanim Jalal, Fairuz 'Ain Harun, Noraini Ismail & Nazariah Abd Samad. (2014). Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak di Pusat Anak Permata Negara. *Jurnal Pendidikan Awala Kanak-kanak Kebangsaan*, 3, 36–61. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/778>
- Finkelhor, D. (1979). What's wrong with sex between adults and children? *American Journal of Orthopsychiatry*, 49(4), 692–697
- Groth, A. N., & Burgess, A. W. (1979). Sexual trauma in the life histories of rapists and child molesters. *Victimology*, 4(1), 10–16.
- Harper, C. A., & Hogue, T. E. (2015). Measuring public perceptions of sex offenders: Reimagining the Community Attitudes Toward Sex Offenders (CATSO) scale. *Psychology, Crime & Law*, 21(5), 452–470.
- Herdiana. (2013). Keterlibatan kanak-kanak dalam kemalangan jalan raya di Malaysia. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 53(9), 1689–1699. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Hutchinson, E. N. (1935). *Session laws of the state of Washington*. 444–445. <http://leg.wa.gov/CodeReviser/documents/sessionlaw/1935pam1.pdf>
- Kerajaan Malaysia. (2017). *Undang-undang Malaysia Akta 792 Akta Kesalahan- Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017*. 1–21.
- Levenson, J. S. (2008). Collateral consequences of sex offender residence restrictions. *Criminal Justice Studies*, 21(2), 153–166. <https://doi.org/10.1080/14786010802159822>
- Mancini, C., Shields, R. T., Mears, D. P., & Beaver, K. M. (2010). Sex offender residence restriction laws: Parental perceptions and public policy. *Journal of Criminal Justice*, 38(5), 1022–1030. <https://doi.org/10.1016/j.jcrimjus.2010.07.004>
- Maniglio, R. (2012). The role of parent–child bonding, attachment, and interpersonal problems in the development of deviant sexual fantasies in sexual offenders. *Trauma, Violence, & Abuse*, 13(2), 83–96.
- Marshall, W. L. (1993). The role of attachments, intimacy, and loneliness in the etiology and maintenance of sexual offending. *Sexual and Marital Therapy*, 8, 109–121
- Meloy, Curtis, & Boatwright. (2013). Public perceptions of sex crimes and sex offenders. *The Oxford Handbook of Sex Offenses and Sex Offenders*, 463.
- Model-ward, G. L. (2007). *Requirements (see Coyle 2002, 2003)*. 205–216. <http://staffnew.uny.ac.id/upload/132232818/pendidikan/Analisis+Kuantitatif.pdf>
- Mohamad Albaree Abdul, Hazhari Ismail, Iylia Mohamad, & Zaharah Osman. (2019). Perkembangan emosi kanak-kanak menggunakan kaedah pengajaran berasaskan aktiviti muzik. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 8, 17–23. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/2881>
- Norazla, & Mohd Farok. (2018). Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017: Penambahbaikan Perundangan berkaitan Jenayah Seksual terhadap Kanak-kanak di Malaysia. *Journal of Muwafaqat*, 1(1), 37–55.
- Pickett, J. T., Mancini, C., & Mears, D. P. (2013). Vulnerable victims, monstrous offenders, and unmanageable risk: Explaining public opinion on the social control of sex crime. *Criminology*, 51(3), 729–759.
- Pipe, Lamb, Orbach, & Cedeberg. (2013). *Child sexual abuse: Disclosure, delay, and denial*. Psychology Press.
- Sanghara, & Wilson. (2006). Stereotypes and attitudes about child sexual abusers: A comparison of experienced and inexperienced professionals in sex offender treatment. *Legal and Criminological Psychology*, 11(2), 229–244.
- Sarnon, N., Mohamad, M. S., Fauziah, I., Alavi, K., Nen, S., Hoesni, S. M., ... & Azreena, W. J. (2012). Hamil luar nikah: Memahami remaja sebagai asas intervensi keluarga. *e-BANGI*, 7(1), 121–130.
- Shields, R. T. (2013). Sex crime and punishment: An analysis of sex offender sentencing in Florida. *ProQuest Dissertations and Theses*, 140. <https://search.proquest.com/docview/1449190883?accountid=15133%0Ahttps://secure.worc.ac.uk/ima>



- ges/sfx_black.gif?genre=article&sid=ProQ:&atitle=Sex+crime+and+punishment%3A+An+analysis+of+sex+offender+sentencing+in+Florida&title=Sex+crime+and+punishment%3A+
- Suhtarne. (2019). Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017: Pemakaian dan pelaksanaannya di Malaysia. *Journal of Law and Governance*, 2(1), 39-50.
- Whitaker, D. J., Le, B., Hanson, R. K., Baker, C. K., McMahon, P. M., Ryan, G., Klein, A. (2008). Risk factors for the perpetration of child sexual abuse: A review and meta-analysis. *Child Abuse and Neglect*, 32, 529–548
- Wurtele, S. K. (2018). University students' perceptions of child sexual offenders: Impact of classroom instruction. *Journal of Child Sexual Abuse*, 27(3), 276–291.
<https://doi.org/10.1080/10538712.2018.1435598>

